



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|-------------|---|-------------------------|------------|------|
| AKHBAR | : | HARIAN METRO | | |
| TARIKH | : | 18/4/2017 | MUKA SURAT | : 21 |
| JABATAN | : | NRE / BBP / TASIK CHINI | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

HARIAN METRO



"Isu pencemaran di tasik itu akibat limpahan air Sungai Pahang setiap kali musim tengkujuh menyebabkan airnya keruh"
Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

18-04-2017

setempat

21

Tasik Chini masih bernyawa

■ Kualiti air bertambah baik selepas aktiviti pembalakan, perlombongan dihentikan

Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz
norain@hmetro.com.my

Pelatan

Tasik Chini masih 'bermatas' dan tidak mati seperti didakwa sesetengah pihak, sebaliknya kitaran ekosisistemnya juga semakin baik.

Malah, tiada aktiviti pembalakan dan pelombongan dijalankan di kawasan tasik berkenaan ketika ini yang menjadi punca pencemaran.
Menteri Sumber Asli dan Alam

Sektar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kerajaan mengambil alih pemuliharaan tasik berkenaan selepas divararkan sebagai Tapak Rizab Biosfera pada 2009 dan kualiti airnya menunjukkan perubahan positif setiap tahun.

"Sebelum itu kualiti airnya berada pada tahap empat namun ia bertambah baik setiap tahun sehingga berada pada tahap satu dan dua.
"Isu pencemaran di tasik itu akibat limpahan air Sungai Pahang setiap kali musim tengkujuh menyebabkan airnya ke-

ruh," katanya selepas lawatan kerja ke Tasik Chini, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Asas dan Alam Sektar Pahang, Datuk Seri Mohd Sofri Abd Razak.

Dalam pada itu Wan Junaidi berkata, satu jawatankuasa khas ditubuhkan ba-

gi memantau pelaksanaan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini pada Mac tahun lalu.

"Jawatankuasa itu diketuai Kementerian dibantu agensi berkaitan bagi memantau kualiti air, penguatkuasaan, pemuliharaan dan kesedaran awam.

"Kualiti air di 15 stesen di tasik berkenaan juga semakin baik mencapai tahap satu dan dua. Saya yakin sasaran memperoleh kualiti air

pada tahap satu di semua stesen menjelang 2019 tercapai," katanya.

Beliau turut mencadangkan beberapa penambahbaikan termasuk mewujudkan zon penampungan yang lebih fleksibel dan menertarikan atau labi-labi untuk Orang Asli di kawasan sekitarnya.

"Kami terus bersama kerajaan negeri meneruskan komitmen memastikan kelestarian Tasik Chini sebagai tapak rizab biosfera supaya terus terpelihara," katanya.

FAKTA
Kualiti air Tasik Chini kini pada tahap satu dan dua



ROMBONGAN Wan Junaidi memantau kualiti air di Tasik Chini, semalam.